

**DEWAN NEGARA MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

PR-1322-L62983

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan tindakan Kementerian mengenai pencemaran udara dan sungai disebabkan oleh projek pelupusan sisa pepejal di kawasan Lahat Papan, Batu Gajah. Sejauh manakah Sungai Johan tercemar akibat projek ini dan merosakkan ekosistem yang sedia ada

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek pelupusan sisa pepejal di kawasan Lahat Papan, Batu Gajah adalah projek yang dibangunkan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan diuruskan oleh Syarikat Selektta Spektra Sdn. Bhd. Tapak pelupusan ini telah beroperasi sejak awal Januari 2012 tanpa terlebih dahulu menyediakan dan mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA).

Jabatan Alam Sekitar memantau rapi pengoperasian tapak pelupusan ini sejak tahun 2012 dan tindakan-tindakan penguatkuasaan berbentuk kompaun dan notis-notis arahan telah dikeluarkan kepada pihak yang terbabit termasuklah arahan supaya menyediakan laporan EIA terperinci. Pihak Selektta Spektra juga telah diberi notis supaya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menghapuskan pencemaran dari tapak pelupusan sampah tersebut termasuklah:-

- (i) memastikan air larut resapan (*leachate*) yang terhasil dari aktiviti pelupusan sampah di tapak tersebut dialirkan dan diolah di dalam kolam air takungan *leachate*;
- (ii) menjalankan kerja-kerja penimbunan tanah dan pemampatan ke atas lapisan sampah sarap;
- (iii) melakukan semburan enzim nyahbau sekurang-kurangnya 2 kali sehari bagi mengelakkan masalah gangguan bau busuk ke kawasan sekitar; dan
- (iv) memastikan tiada sebarang aktiviti pembakaran terbuka di lakukan di tapak tersebut.

Jabatan Alam Sekitar juga sedang melengkapkan siasatan bagi membolehkan tindakan perundangan yang lebih tegas diambil ke atas pihak terbabit berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Berdasarkan rekod pengawasan kualiti air sungai Jabatan Alam Sekitar, Sungai Serokai yang merupakan sungai utama kepada anak Sungai Johan berada pada tahap sederhana tercemar (berdasarkan indeks kualiti air sungai negara) iaitu Kelas III berdasarkan Standard Kualiti Air Sungai Kebangsaan.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh: Nor Hayati Yahaya

Disemak oleh : TKP(O), Dr. Zulkifli Abdul Rahman

Diluluskan oleh : KPAS, Dato' Halimah Hassan

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pada asalnya Projek pelupusan sisa pepejal di kawasan Lahat Papan, Batu Gajah dirancang untuk dibangunkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam RMKe-10. Bagaimanapun, Pihak KPKT tidak meneruskan kajian DEIA yang telah dimulakan pada awal tahun 2011 kerana mendapati zon penampungan sejauh 1.7km seperti yang diperlukan oleh AELB akan

mengurangkan keluasan tapak pelupusan sanitari dengan ketara dan menjadikan tapak pelupusan sanitari tersebut tidak ekonomik untuk dibangunkan. Serentak dengan keputusan untuk tidak meneruskan kajian DEIA, KPKT telah menggugurkan cadangan pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal berkenaan tetapi pihak MBI telah meneruskan pembinaannya dengan peruntukan kewangan sendiri. Tapak Pelupusan ini diuruskan oleh Syarikat Selektta Spektra Sdn. Bhd. Dan mula beroperasi pada awal tahun 2012.